



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH  
جامعة إنسانية  
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN  
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI  
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)  
DI LAWATAN AUDIT PEMATUHAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI  
SWASTA (IPTS) 2017**

**PADA : 18 APRIL 2017  
MASA : 9.00 PAGI  
TEMPAT : DEWAN SENAT, KUIN.**



Lawatan Audit Pematuhan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) 2017  
18 April 2017  
Dewan Senat | 9.00 pagi

---

***Bismillahirrahmanirrahim***  
***Assalamualaikum wbr. Wbkth***

1. Pihak KUIIN mengalu-alukan kedatangan semua pegawai pemeriksa dari pihak KPT yang terdiri daripada :
  - i. Encik Rahman bin Mohd Din
  - ii. Puan Norhayati binti Abdul Manaf
  - iii. Puan Wan Norhidayah binti Wan Mohamed Noor
  - iv. Encik Mohd Adib bin Mohd Aripuddin
2. Pihak pengurusan KUIIN ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai pemeriksa yang hadir ke KUIIN bagi menjalankan audit institusi pendidikan tinggi swasta ini.
3. Pihak pengurusan KUIIN mengambil maklum bahawa lawatan audit pematuhan ini adalah bertujuan bagi memastikan semua IPTS mematuhi Akta IPTS 1996 [Akta 555] & Peraturan – paratusannya dan juga garis panduan yang telah dikeluarkan oleh kementerian ini.
4. Pihak KUIIN juga sentiasa berusaha dengan sebaik mungkin untuk mematuhi kriteria serta garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak MQA dalam menjalankan program-program di KUIIN.
5. Untuk makluman, KUIIN sebagai sebuah IPTS milik penuh Kerajaan Negeri Kedah, sentiasa mendapat sokongan penuh dalam usaha untuk memartabatkan industri pendidikan, terutamanya dari pimpinan yang diketuai oleh YAB Menteri Besar Kedah selaku Pengerusi Lembaga KUIIN serta Ahli-Ahli Lembaga yang lain.
6. KUIIN juga telah mengemukakan permohonan naik taraf kepada Universiti penuh pada Februari 2017 dan kini sedang giat berusaha untuk memenuhi beberapa kriteria seperti yang telah ditetapkan oleh pihak KPT. Insya Allah, pihak KUIIN sangat komited untuk memperbaiki setiap kelemahan yang ada serta menambahbaik pengurusan dan operasi dari semasa ke semasa, demi menjamin mutu perkhidmatan yang terbaik dalam memacu pembangunan KUIIN secara lebih **syummul** dan sempurna.

7. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai penilai yang terlibat dan tidak lupa juga kepada seluruh warga kerja KUIN yang tberkerja keras untuk menyiapkan segala keperluan, dokumentasi dan lain-lain keperluan bagi lawatan audit pematuhan ini. Semoga segala urusan pengauditan ini akan sentiasa dipermudahkan Allah.

Sekian.

*Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

[TAMAT]